

# ‘Pulangkan semula harta dicuri atau kena siasat’

PM beri kata dua kepada pemimpin politik salah guna dana negara

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Syaherah Mustafa  
bhnews@bh.com.my

**Machang:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi kata dua kepada seorang pemimpin politik, sama ada memulangkan semula harta



yang didakwa dicuri atau berse-  
dia untuk disiasat.

Perdana Menteri menegaskan sekiranya pemimpin itu gagal berbuat demikian, beliau akan mengarahkan pihak berkuasa untuk menyiasatnya.

“Tiga kali saya tegaskan, termasuk malam ini (malam



Anwar bersama Ahmad Zahid pada Program Jelajah Perpaduan MADANI dan Pelancaran Jentera Perpaduan Kelantan, malam kelmarin.  
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

kelmarin), kamu mesti pulangkan balik wang dan harta yang kamu curi daripada rakyat.

“Jika tidak, saya akan minta pihak berkuasa menyiasat, termasuk pergi ke rumah dia, pergi ke pejabat dia, semak akaun dia,” katanya berucap pada Program Jelajah Perpaduan MADANI dan Pelancaran Jentera Perpaduan Kelantan, malam kelmarin.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri yang juga Pe-

nggerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta Pengerusi UMNO Kelantan, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub.

## Minta SPRM siasat menteri

Pada masa sama, Anwar di bawah pentadbiran negara yang diterajunya, beliau meminta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyiasat menteri, sama ada terba-

bit dalam pengambilan kontrak atau saham.

Beliau berkata, pendekatan itu dilakukan bagi menyelamatkan negara dan tidak mahu berlaku penyalahgunaan wang yang sepatutnya digunakan untuk membantu rakyat.

“Kita hendak hentikan amalan pemimpin mencuri kekayaan dan Alhamdulillah semua pihak memberi sokongan padu atas usaha saya itu,” katanya.